

01/03/2000

Saksi dakwa tembak bagi pertahanan diri

TUMPAT, Selasa - Seorang saksi memberitahu Mahkamah Koroner di sini hari ini, dia melepaskan sembilan das tembakan ketika berbalas tembak dengan sekumpulan enam lelaki yang disyaki menyeludup senjata api dari Thailand, di Pengkalan Kubur, dekat sini, lebih setahun lalu.

Inspektor Noor Suran Abdul Wahid, 37, yang juga Penolong Pegawai Turus Cawangan Jenayah Berat (D9) Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPPK) Kelantan berkata, kejadian tembak-menembak itu berlaku kira-kira 20 saat.

Katanya, dia yang mengetuai pasukan lima anggotanya menaiki sebuah kereta Proton Wira melepaskan tembakan ke arah sekumpulan lelaki yang disyaki, selepas mendengar tembakan awal dari arah van yang dinaiki mereka.

Menurutnya, walaupun tidak menerima arahan sesiapa termasuk ketuanya, dia terpaksa melepaskan tembakan itu demi mempertahankan diri daripada serangan penjenayah itu.

"Kalau diri saya terancam, saya akan tembak walaupun tanpa arahan sesiapa, termasuk Ketua Turus cawangan itu, Asisten Superintendan Mohd Najib Zainol, yang mengetuai operasi itu," katanya menjawab pertanyaan Timbalan Pendakwaraya (DPP) Azman Abdullah, ketika memberi keterangan dalam inkues terhadap kejadian polis menembak mati enam lelaki di Kampung Neting, Kilometer 25, Jalan Kota Bharu-Pengkalan Kubur, pada 3 Oktober 1998.

Perbicaraan kes itu dikendalikan Majistret Ahmad Bazli Bahruddin yang bertindak sebagai koroner.

Peguam Mohd Apandi Ali bertindak sebagai peguam pemerhati bagi Majlis Peguam, manakala G Naidu bertindak sebagai peguam pemerhati bagi pihak keluarga lelaki berkenaan.

Inkues itu diadakan berikutan memorandum yang dihantar Mohd Apandi yang juga Pengerusi Jawatankuasa Undang-Undang Jenayah Majlis Peguam kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, selaku Menteri Dalam Negeri, tahun lalu.

Inkues itu bagi mengetahui peristiwa dan sebab-sebab dalam keadaan bagaimana keenam-enam lelaki terbabit mati.

Menjawab pertanyaan Azman yang dibantu oleh DPP Wan Azimah Wan Yaakob, Inspektor Noor Suran berkata, dia tidak nampak percikan api kesan tembakan yang dilepaskan oleh kumpulan lelaki terbabit, sebaliknya hanya mendengar bunyi tembakan dari arah van yang dinaiki lelaki berkenaan.

Katanya, selepas kejadian tembak-menembak itu, dia mendengar Mohd Najib mengarahkan berhenti menembak dan pasukannya tidak bergerak dan masih dalam keadaan bersedia sebelum melihat keenam-enam lelaki itu mati, termasuk dua di luar van dan dua lagi di dalam van.

Saksi itu juga memberitahu mahkamah dia menjumpai empat pucuk pistol buatan sendiri bersama enam butir puluru, iaitu tiga yang masih hidup dan tiga lagi kelongsong peluru jenis .33 mm di dalam van berkenaan.

(END)